

Pengaruh dorongan sosial terhadap efikasi swadiri komputer dalam kalangan pelajar sekolah menengah

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan pengaruh dorongan sosial terhadap efikasi swadiri komputer dalam kalangan pelajar sekolah menengah harian di negeri Kelantan. Seramai 413 orang pelajar tingkatan 4 yang mengambil mata pelajaran Information Communication Technology and Literacy (ICTL) telah dipilih secara rawak. Secara keseluruhan, nilai min bagi dorongan sosial terhadap penggunaan komputer adalah 3.90 ($SP = 0.36$) manakala nilai min efikasi swadiri komputer adalah 3.93 ($SP = 0.34$). Analisis korelasi Pearson telah mengenal pasti terdapat hubungan signifikan antara dorongan keluarga ($r = .28$), dorongan guru dan sekolah ($r = .25$) dan dorongan rakan sebaya ($r = .26$) dengan efikasi swadiri komputer. Analisis regresi linear menunjukkan bahawa ketiga-tiga dorongan ini mempengaruhi efikasi swadiri komputer pelajar di mana dorongan keluarga merupakan faktor paling mempengaruhi di ikuti dorongan rakan dan dorongan guru dan sekolah. Kajian telah membuktikan bahawa faktor dorongan sosial amat penting bagi menjana efikasi swadiri komputer pelajar yang baik.

Keyword: Computer self-efficacy; Social influences; Family encouragement; Peers encouragement; School and teachers encouragement